

R 8342 DEB  
MOHAMAD - RUNGUTAN

SHAH ALAM, 8 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI TELAH MENGARAHKAN SEMUA KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN MENYIASAT SECARA TERPERINCI RUNGUTAN ORANG AWAM MENGENAI KERAJAAN SAMA ADA YANG DISAMPAIKAN SECARA BERTULIS ATAU LISAN, KATA MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMAD RAHMAT HARI INI.

ARAHAN ITU TELAH DIKELUARKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BULAN LEPAS SELARAS DENGAN LANGKAH KERAJAAN MAHU +MENDEKATI+ RAKYAT DENGAN LEBIH DEKAT LAGI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KURSUS PERHUBUNGAN AWAM ANJURAN JAWATANKUASA BERSAMA PENTADBIR-PENTADBIR UNIVERSITI MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA APA SAHAJA PANDANGAN, RUNGUTAN ATAU ADUAN ORANG AWAM AKAN DIBERI PERHATIAN SERIUS DAN CUBA DIATASI SEBEBERAPA SEGERA OLEH JABATAN ATAU KEMENTERIAN TERBABIT ASALKAN CADANGAN ATAU PANDANGAN ITU MEMBINA DAN TIDAK MEMBURUKKAN KEADAAN.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, DATUK MOHAMAD BERKATA PENERANGAN SEJELAS-JELASNYA KEPADA RAKYAT PENTING KERANA RAKYAT KINI LEBIH CENDERUNG UNTUK MEMIKIRKAN YANG NEGATIF DAN BERTANGGAPAN +YANG BUKAN-BUKAN+ TERHADAP KERAJAAN.

KATANYA, WALAUPUN KERAJAAN MENCAPI KEJAYAAN BESAR SEJAK NEGARA MENCAPI KEMERDEKAAN DARIPADA SEGI MEMBERI PENDIDIKAN KEPADA RAKYAT TETAPI KERAJAAN SEDAR BAHAWA DALAM SESETENGAH HAL, PENDIDIKAN ITU TELAH GAGAL MENJADIKAN MEREKA BERFIKIRAN WARAS TERHADAP KERAJAAN. -- LAGI.

1816MST 08 08 88

D117

R 8345 DEB  
MOHAMAD - RUNGUTAN 2 SHAH ALAM

KATANYA MASYARAKAT HARI INI LEBIH SUKA MENDENGAR PERKARA-PERKARA TIDAK BAIK, TOHMAMAN DAN FITNAH MENGENAI KEGAGALAN KERAJAAN ATAU MEMBACA MAJALAH DAN AKHBAR LUAR NEGERI YANG MEMBERI GAMBARAN BURUK MENGENAI KERAJAAN.

KECENDERUNGAN ITU TELAH DIGUNAKAN OLEH KUMPULAN YANG KECEWA DENGAN KERAJAAN TERMASUK AHLI POLITIK BAGI MEMBUAT PEMBOHONGAN BESAR-BESARAN MENGENAI KERAJAAN DAN SESETENGAH MEREKA MENJADI PENYALUR MAKLUMAT TIDAK BENAR MENGENAI NEGARA KEPADA MEDIA ASING, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENYESALI SIKAP SEBAHAGIAN BESAR MASYARAKAT TERMASUK SEGELINTIR GOLONGAN INTELEK YANG LEBIH MEMPERCAYAI UCAPAN PEMIMPIN POLITIK YANG KECEWA ITU DAN GAGAL MEMBEZAKAN ANTARA YANG BOHONG ATAU BENAR.

BELIAU MENAMBAH KATA GOLONGAN INTELEK ITU JUGA GAGAL MEMBEZAKAN BAHAWA TINDAKAN PEMIMPIN YANG KECEWA ITU SEBENARNYA SEDANG MELAGA-LAGAKAN ANTARA KERAJAAN DENGAN SULTAN-SULTAN, PIHAK KESELAMATAN DAN HAKIM-HAKIM DEMI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

DATUK MOHAMAD JUGA MEMINTA RAKYAT SUPAYA TIDAK TERSALAH ANGGAP DENGAN TINDAKAN KERAS KERAJAAN DALAM MENGATASI BERLAKUNYA PERKARA LUAR JANGKAAN DI NEGARA INI SEBAGAI SATU TINDAKAN YANG BERMIRIP +KUKU BESI+. -- LAGI.

1832MST 08 08 88

D121

R B347 DEB  
MOHAMAD - RUNGUTAN 3 SHAH ALAM

DALAM NEGARA BERBILANG KAUM SEPerti MALAYSIA, TIDAK DAPAT  
DIELAKKAN DARIPADA BERLAKU PERKARA LUAR JANGKAAN DAN RAKYAT PERLU  
MEMAHAMI BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN ITU ADALAH DEMI KESELAMATAN DAN  
KEAMANAN NEGARA, KATANYA.

BELIAU JUGA MENGGESA PARA PEGAWAI PENTADBIR DAN PERHUBUNGAN AWAM  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SUPAYA MENINGKATKAN PROFESION MEREKA BAGI  
MENGIMBANGI CABARAN YANG SEMAKIN SOFISTIKATED DALAM BIDANG  
PERHUBUNGAN AWAM SEKARANG. -- BERNAMA.

1840MST 08 08 88